



RASIONAL LOGO KSKR JPBDSeI

idea

Keseluruhan logo ini menggabungkan ciri-ciri atau simbol gabungan orang, figura tangan dan bentuk bulatan sempena mengambil bentuk logo jabatan yang bulat di mana ia dilihat bersifat global, lebih dinamik dan mempunyai tahap kebolehlenturan yang tinggi. Ia memang sengaja direkabentuk tanpa sempadan dan keterbatasan yang terhad untuk menggambarkan bahawa ianya boleh berkembang secara progresif dan menjangkau ke persada global dalam ruang lingkup persekitaran tempatan.

rupa dan simbol

Terdapat 2 rupabentuk yang digunakan iaitu gabungan orang dan figura tangan. Tiga objek orang adalah representasi kepada semua ahli KSKR yang boleh mengeluarkan idea dan menyumbangkan pengetahuan dan kemahiran untuk perkembangan KSKR secara global. Setiap satu objek orang diwakili oleh elemen sukan, keabajikan dan rekreasi. Simbol orang juga menunjukkan semangat kekitaan dan bekerjasama dalam satu pasukan walaupun berbeza latar belakang yang diterapkan oleh semua ahli KSKR.

Figura tangan pula adalah menggambarkan elemen kebajikan dan keprihatinan yang turut diberi perhatian oleh KSKR. Ibarat tangan yang memberi dan menerima atau 'give & take'. Tangan diwarnakan merah dan kuning untuk menerangkan bahawa elemen kebajikan ini berada di bawah ruang lingkup Negeri Selangor. Tangan merah melambangkan berani membuat kebajikan dan kedudukannya berada di atas. Manakala tangan kuning berada di bawah menunjukkan sikap keterbukaan dan kesediaan untuk menerimanya.

tipografi

Terdapat 3 jenis tipografi yang digunakan iaitu tulisan KELAB SUKAN, KEBAJIKAN & REKREASI adalah Arial Black. Tulisan JPBD NEGERI SELANGOR jenis Impact dan tulisan KSKR pula jenis Haettenschweiler. Kesemua tipografi ini dipilih mempunyai rasional yang tersendiri.

warna

Warna utama yang digunakan adalah biru, merah, kuning, hijau di samping putih dan hitam.